

Prestasi kewangan TH lebih baik

Strategi pelaburan mampan, pengurusan kos berhemat kurangkan tekanan pasaran

Kuala Lumpur: Pelan rasionalisasi dan langkah penyusunan semula kewangan Lembaga Tabung Haji (TH) mula menampakkan hasil apabila agensi pengurusan haji itu mencatat keuntungan bersih RM815 juta pada separuh pertama 2019 dengan lebihan aset sebanyak RM1.8 bilion.

TH dalam kenyataan di sini semalam berkata, prestasi dan kedudukan kewangan yang semakin baik itu dipacu oleh strategi pelaburan yang mampan serta langkah pengurusan kos yang berhemat.

"Bagi tempoh enam bulan pertama 2019, TH memperoleh pendapatan RM1.3 bilion, dijana terutama dalam pelaburan aset pendapatan tetap (RM663 juta), pelaburan hartanah (RM292 juta) dan instrumen pasaran wang Islam (RM199 juta).

"Keuntungan bersih juga meningkat kepada RM815 juta, hasil langkah berterusan penjimatan kos pengurusan dan pentadbiran," kata kenyataan itu.

Pendapatan TH juga dijangka terus meningkat apabila agensi itu menerima manfaat penuh daripada Sukuk Urusharta Jamaah Sidi Buhari yang telah diterbitkan pada 30 Mei 2019 lalu.

Selain itu, perubahan strategi pelaburan TH kepada aset-pela-

buran yang lebih stabil, berjaya mengurangkan tekanan daripada keadaan pasaran kewangan yang tidak menentu akibat ketegangan perang perdagangan global.

"Pada 30 Jun 2019, kedudukan kewangan TH kekal kukuh apabila jumlah aset melebihi jumlah liabiliti sebanyak RM1.8 bilion, dengan jumlah aset RM74.0 bilion, manakala jumlah liabiliti RM72.2 bilion," kata TH.

TH turut menjelaskan bahawa kepercayaan dan sokongan pendeposit kekal kukuh, dengan jumlah deposit pada paras RM71.0 bilion setakat 30 Jun 2019.

Seperti tahun sebelum ini, TH berkata, pihaknya sudah menjangkakan peningkatan pengeluaran dalam separuh pertama 2019 selepas pengumuman hibah di buat, selain bermula musim haji.

Dalam kenyataan sama, TH berkata, penerbangan pertama jemaah haji bagi musim haji 1440 Hijrah berlepas pada 4 Julai lalu dan sehingga semalam, sebanyak 42 penerbangan yang membawa lebih 20,000 jemaah haji, berlepas

dan selamat tiba di Tanah Suci.

Sementara itu di Dewan Negara, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Fuziah Salleh, berkata perkembangan semasa TH menunjukkan situasi kewangan agensi itu semakin pulih seterusnya memberi manfaat kepada pendeposit.

"Apabila TH buat rasionalisasi kita kenal pasti syarikat yang *non performance* serta sudah dikeluarkan dan diletakkan di dalam Syarikat Tujuan Khas (SPV). Apabila kita betulkan, jumlah semuanya selepas kita pindahkan kepada SPV itu ialah kira-kira RM19.1 bilion iaitu nilai yang diganti ke dalam akaun TH sekarang.

"Apabila perkara ini berlaku maka sudah dipenuhi dua syarat dalam Akta Tabung Haji iaitu aset mesti melebihi liabiliti dan keuntungan mesti mencukupi untuk beri hibah," katanya.

Beliau menjawab soalan tambahan Senator Sabani Mat mengenai apakah jaminan kerajaan mengenai pelan rasionalisasi TH yang dilaksanakan akan memberi pulangan dividen yang tinggi kepada pendeposit.

Fuziah berkata, apabila hanya syarikat yang berprestasi baik yang kini berada dalam TH, ia akan memberikan satu pulangan yang baik seterusnya menjangkakan hibah yang lebih baik pada masa depan.

TH mengumumkan pengagihan hibah bagi tahun kewangan 2018 sebanyak 1.25 peratus. Agensi itu turut merekodkan keuntungan bersih berjumlah RM440 juta bagi suku pertama berakhir 31 Mac 2019.

TH juga mencatat pendapatan RM623 juta bagi tempoh dikaji dan jumlah asetnya juga melebihi jumlah liabiliti RM1.2 bilion.

Pada 30 Jun 2019, kedudukan kewangan TH kekal kukuh apabila jumlah aset melebihi jumlah liabiliti sebanyak RM1.8 bilion, dengan jumlah aset RM74.0 bilion, manakala jumlah liabiliti RM72.2 bilion.

Kenyataan TH

PRESTASI DAN KEDUDUKAN KEWANGAN SEMAKIN BAIK
DIPACU OLEH STRATEGI PELABURAN YANG MAMPAN SERTA LANGKAH PENGURUSAN KOS YANG BERHEMAT

	RM	Pendapatan dijana terutama daripada:
LEBIHAN ASET <small>REKONSTRUKSI LIABILITI</small>	1.8 BILION	Pelaburan aset pendapatan tetap RM663 juta
PENDAPATAN	1.3 BILION	Pelaburan hartanah RM292 juta
KEUNTUNGAN	815 JUTA	Instrumen pasaran wang Islam RM199 juta



BERNAMA